



MAJLIS DAERAH YAN

BAHAGIAN PELESENAN
JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN

**DERAF GARIS PANDUAN PENGELUARAN LESEN
PENJAJA**

TARIKH KUATKUASA: APRIL 2021

TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan memberi penjelasan dan panduan kepada orang awam yang ingin memohon lesen perniagaan penjaja kepada Pihak Berkuasa Tempatan (Majlis Daerah Yan).

PUNCA KUASA

Proses kelulusan dan pengeluaran lesen perniagaan penjaja adalah dibawah peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Undang-Undang Kecil Penjaja (Pihak Berkuasa Tempatan) Negeri Kedah 1983.

KETERANGAN

Takrifan penjaja adalah seseorang yang mendirikan gerai dan menjual atau mendedahkan jualan apa-apa yang mempunyai nilai komersial yang boleh ditemui di sekitar tepi jalan atau kaki lima, contohnya seperti pedagang buah-buahan atau penjual makanan di tepi jalan.

lanya merujuk kepada semua aktiviti menjual dan menawarkan apa-apa jualan barangan atau perkhidmatan di mana-mana lokasi dalam daerah Yan sama ada secara statik atau beredar.

Terdapat dua (2) kategori lesen penjaja yang dikeluarkan oleh pihak Majlis iaitu:

1. Penjaja statik
 - i) Penjaja tepi jalan
 - ii) Pasar awam/ gerai Majlis
 - iii) Kiosk dalam kompleks belah belah
 - iv) Pekan sehari/ pasar malam
2. Penjaja beredar/ bergerak
 - i) *Food Truck*
 - ii) Motosikal

MAKLUMAT JABATAN UNTUK DIHUBUNGI

Bahagian Pelesenan
Jabatan Kesihatan Persekitaran
Majlis Daerah Yan
06900 Yan
Kedah Darul Aman
04-4655745 / 04-4658051

PANDUAN DAN KEPERLUAN PEMATUHAN PERMOHONAN

Setiap individu/ syarikat/ penganjur yang merancang/ berminat untuk menjalankan perniagaan perlu mendapatkan kelulusan/ kebenaran dari pihak Majlis Daerah Yan terlebih dahulu serta mendapatkan lesen penjaja yang sah.

Sebelum memulakan perniagaan, pemilihan lokasi dan tapak untuk menjalankan perniagaan mestilah mematuhi dan memenuhi syarat asas yang telah ditetapkan oleh Majlis Daerah Yan dan agensi-agensi teknikal yang terlibat seperti berikut:

1. Warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas.
2. Warga asing adalah tidak dibenarkan.
3. Pemegang lesen hendaklah mematuhi setiap akta dan undang-undang yang digunakan pakai oleh Majlis Daerah Yan.
4. Mengisi borang permohonan lesen penjaja seperti di Lampiran 1 dengan lengkap:
 - i) Salinan kad pengenalan
 - ii) Salinan kad suntikan (makanan/minuman)
 - iii) Salinan sijil pengendali makanan (makanan/minuman)
 - iv) Pelan lokasi
 - v) Surat kebenaran tuan tanah (jika berkaitan)
5. Permohonan perlu dibuat seawall 2 bulan sebelum aktiviti perniagaan dijalankan.

KAEDAH PERMOHONAN

Hadir ke Ibu Pejabat dan Pejabat Cawangan Majlis Daerah Yan (Secara Manual):

1. Ambil borang permohonan lesen penjaja di kaunter hasil MDY
2. Melengkapkan borang (panduan lisan akan diberikan)
3. Menyediakan dokumen lampiran yang diperlukan
4. Menjelaskan bayaran wang proses sebanyak RM20.00 (ketika serah borang)
5. Simpan resit pembayaran yang dikeluarkan oleh MDY

Atau boleh mendapatkan borang permohonan di laman web rasmi MDY untuk dicetak dan diserahkan secara tangan di kaunter hasil MDY.

Borang yang lengkap diisi akan diproses oleh Bahagian Pelesenan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Pelesenan MDY, Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Khidmat Perbandaran dan Kemasyarakatan MDY dan akan disahkan dalam Mesyuarat Majlis Penuh MDY. Sekiranya permohonan diluluskan, lesen akan dikeluarkan kepada pemohon untuk mula menjalankan perniagaan

PIAGAM PELANGGAN

Setiap permohonan lesen perniagaan yang lengkap akan diproses untuk kelulusan seperti tempoh berikut:

BIL	PIAGAM PELANGGAN		TEMPOH
	KATEGORI	JENIS LESEN	
1	Penjaja statik	Penjaja tepi jalan	30 hari
		Pasar awam/ gerai Majlis	24 jam
		Kiosk dalam kompleks belah belah	30 hari
		Pekan sehari/ pasar malam	24 jam
2	Penjaja beredar/ bergerak	<i>Food Truck</i>	30 hari
		Motosikal	30 hari

SYARAT- SYARAT PENJAJA PEKAN SEHARI DAN PASAR MALAM

1. Sila pameran lesen di tempat yang mudah dilihat sepanjang tempoh perniagaan untuk pemeriksaan.
2. Sentiasa hadir menjalankan dan mengawal perniagaan, DILARANG sama sekali memindah milik atau menyewa atau menjual petak gerai.
3. Aktiviti perniagaan hanya dibenarkan di tapak yang diluluskan sahaja.
4. Tapak yang disediakan untuk setiap peniaga adalah berukuran 10' x 10' sahaja.
5. Memuat turun dan mendaftar dalam aplikasi MySejahtera.
6. Setiap peniaga digalakkan memakai *face mask* dan *face shield*. Mesti memakai sarung tangan dan apron pakai buang.
7. Pelesen dan pembantu/pekerja yang mempunyai suhu melebihi 37.5° DILARANG sama sekali memasuki kawasan tapak niaga.
8. Jumlah pelesen dan pembantu/pekerja di setiap gerai adalah terhad kepada tiga (3) orang sahaja (2 pekerja dan 1 pelesen)
9. Sekiranya peniaga tidak hadir menjalankan perniagaan sebanyak 2 (dua) kali berturut-turut tanpa alasan yang munasabah, tapak akan ditarik balik oleh Majlis dan diberikan kepada yang peniaga lain yang berminat.
10. Memastikan pelanggan di setiap gerai mematuhi penjarakan sosial 1 meter antara satu sama lain.
11. Tidak dibenarkan menggunakan kertas bercetak dan bekas polistrena.
12. Penyedut minuman plastik (straw) tidak boleh diberikan kepada pelanggan secara kebiasaan (default) melainkan sekiranya diminta atau kepada pelanggan kurang upaya.
13. Bayaran tapak hendaklah dijelaskan pada setiap hari beroperasi kepada pegawai yang bertugas.
14. Tidak dibenarkan meninggalkan sebarang peralatan perniagaan selepas aktiviti perniagaan.
15. Sentiasa menjaga kebersihan petak gerai semasa, dan selepas waktu perniagaan. Sampah sarap hendaklah DIMASUKKAN KE DALAM BEG PLASTIK dan DIKAT sebelum dibuang ke dalam tong sampah.
16. Majlis Daerah Yan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang risiko keselamatan atau kejadian yang berlaku ke atas penjaja atau pelanggannya.
17. Sebarang syarat-syarat yang dikenakan tertakluk kepada pindaan pihak Majlis dari semasa ke semasa.
18. Tindakan penguatkuasaan dan kompaun akan dikenakan sekiranya terdapat pelanggaran syarat.
19. Lesen akan ditarik balik pada bila-bila masa sekiranya syarat-syarat tidak dipatuhi atau terdapat aduan atau tidak lagi bersesuaian pada hemah Majlis.
20. Pemberian lesen ini adalah tertakluk kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976, Undang-Undang Kecil, Peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang dikuatkuasakan oleh Majlis Daerah Yan, Kedah Darul Aman.

SYARAT- SYARAT PENJAJA TEPI JALAN

1. Lesen ini tidak boleh dipindah milik atau bertukar tangan.
2. Sila pameran lesen ini untuk tujuan pemeriksaan.
3. Lesen ini cukup tempohnya setahun mulai dari tarikh dikeluarkan.
4. Bayaran denda lewat RM 30.00 akan dikenakan bagi lesen perniagaan yang lewat diperbaharui dan tambahan RM 10.00 bagi setiap bulan kelewatan.
5. Kompaun sebanyak RM 300.00 dikenakan bagi lesen yang tamat tempoh atau gagal diperbaharui.
6. Surat peringatan tidak akan dikeluarkan untuk memperbaharui akaun lesen perniagaan ini.
7. Pemberian lesen ini adalah tertakluk kepada Seksyen 107, Akta Kerajaan Tempatan 1976, Undang-Undang Kecil, Peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang dikuatkuasakan oleh Majlis Daerah Yan, Kedah Darul Aman.
8. Semua bayaran hendaklah disertakan dengan bil-bil lesen.
9. Majlis Daerah Yan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang risiko keselamatan atau kejadian yang berlaku ke atas penjaja atau pelanggannya.
10. MDY tidak akan bertanggungjawab atas sebarang ganti rugi sekiranya kerja-kerja pembinaan/pelebaran jalan melibatkan kawasan perniagaan.
11. Tidak dibenar meninggalkan sebarang peralatan perniagaan di lokasi perniagaan
12. Tidak dibenarkan membina sebarang binaan/struktur di atas rezab jalan
13. Kedudukan peralatan perniagaan penjaja mestilah berjarak lapan kaki daripada bahu jalan.
14. Kebersihan kawasan aktiviti perniagaan adalah tanggungjawab penjaja.
15. Bayaran melalui cek-cek, money order dan sebagainya hendaklah dipangkah(Tidak -Boleh Niaga) dan dibayar kepada MAJLIS DAERAH YAN.
16. Jika terdapat masalah dan pertanyaan sila hubungi BAHAGIAN PELESENAN di Ibu Pejabat MDY atau telefon 04-4655745/ 4658051.
17. Sila maklumkan Ibu Pejabat MDY, jika perniagaan dihentikan atau ditutup.
18. **Tidak dibenarkan** menggunakan kertas bercetak dan bekas polistirena sebagai pembungkus makanan.
19. **Penyedut minuman plastik (straw) tidak boleh diberikan** kepada pelanggan secara kebiasaan (default) melainkan sekiranya diminta atau kepada pelanggan kurang upaya
20. Aktiviti perniagaan hanya dibenarkan dikawasan tapak yang dibenarkan sahaja
21. Lesen akan ditarik balik pada bila-bila masa, sekiranya Majlis mendapati perniagaan tidak lagi bersesuaian dan berlaku pelanggaran pada syarat-syarat yang telah ditetapkan
22. Jika Majlis mendapati perniagaan adalah tidak bersesuaian lagi pada masa hadapan lesen boleh ditarik balik pada bila-bila masa.

**SYARAT- SYARAT PASAR AWAM/ GERAI MAJLIS/
KIOSK DALAM PUSAT BELI-BELAH**

1. Lesen ini tidak boleh dipindah milik atau bertukar tangan.
2. Sila pameran lesen ini untuk tujuan pemeriksaan.
3. Lesen ini cukup tempohnya setahun mulai dari tarikh dikeluarkan.
4. Bayaran denda lewat RM 30.00 akan dikenakan bagi lesen perniagaan yang lewat diperbaharui dan tambahan RM 10.00 bagi setiap bulan kelewatan.
5. Kompaun sebanyak RM 300.00 dikenakan bagi lesen yang tamat tempoh atau gagal diperbaharui.
6. Surat peringatan tidak akan dikeluarkan untuk memperbaharui akaun lesen perniagaan ini.
7. Pemberian lesen ini adalah tertakluk kepada Seksyen 107, Akta Kerajaan Tempatan 1976, Undang-Undang Kecil, Peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang dikuatkuasakan oleh Majlis Daerah Yan, Kedah Darul Aman.
8. Semua bayaran hendaklah disertakan dengan bil-bil lesen.
9. Majlis Daerah Yan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang risiko keselamatan atau kejadian yang berlaku ke atas penjaja atau pelanggannya.
10. Kebersihan kawasan aktiviti perniagaan adalah tanggungjawab penjaja.
11. Bayaran melalui cek-cek, money order dan sebagainya hendaklah dipangkah(Tidak -Boleh Niaga) dan dibayar kepada MAJLIS DAERAH YAN.
12. Jika terdapat masalah dan pertanyaan sila hubungi BAHAGIAN PELESENAN di Ibu Pejabat MDY atau telefon 04-4655745/ 4658051.
13. Sila maklumkan Ibu Pejabat MDY, jika perniagaan dihentikan atau ditutup.
14. **Tidak dibenarkan** menggunakan kertas bercetak dan bekas polistrena sebagai pembungkus makanan.
15. **Penyedut minuman plastik (straw) tidak boleh diberikan** kepada pelanggan secara kebiasaan (default) melainkan sekiranya diminta atau kepada pelanggan kurang upaya
16. Aktiviti perniagaan hanya dibenarkan dikawasan tapak yang dibenarkan sahaja
17. Lesen akan ditarik balik pada bila-bila masa, sekiranya Majlis mendapati perniagaan tidak lagi bersesuaian dan berlaku pelanggaran pada syarat-syarat yang telah ditetapkan
18. Jika Majlis mendapati perniagaan adalah tidak bersesuaian lagi pada masa hadapan lesen boleh ditarik balik pada bila-bila masa.

PERNIAGAAN PENJAJA BERGERAK (FOOD TRUCK)

1. Hanya kenderaan yang dibenarkan dan diluluskan sebagai kenderaan bergerak untuk aktiviti perniagaan sahaja dibenarkan untuk mendapatkan lesen perniagaan.
2. Setiap penjaja bergerak hanya dibenarkan memohon 5 lokasi perniagaan sahaja
3. Setiap permohonan lokasi perniagaan mesti dinyatakan secara jelas lokasi perniagaan seperti di petak parking bernombor, no. tiang elektrik, dihadapan premis dan lain-lain
4. Kenderaan yang digunakan sebagai penjaja bergerak perlu mempunyai cukai jalan yang masih sah dan kelulusan PUSPAKOM.
5. Menjalankan perniagaan di petak yang diluluskan oleh pihak Majlis sahaja
6. Kebersihan kawasan perniagaan yang digunakan perlu diselenggara dan dijaga dengan baik semasa berniaga dan selepas tamat waktu berniaga, serta menyediakan tong sampah yang secukupnya dan bersih dari sebarang kekotoran
7. Tidak dibenarkan sama sekali meninggalkan atau meletakkan atau menyimpan peralatan selepas waktu perniagaan
8. Peniaga perlu memastikan kawasan yang disewa tidak mengganggu lalulintas atau menyebabkan kacau ganggu kepada pihak lain dan tiada sebarang struktur kekal.
9. Peniaga perlulah mematuhi had operasi yang dibenarkan mengikut Masa Operasi Perniagaan yang diluluskan
10. Peniaga adalah tertakluk kepada peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh pihak Majlis, dan jika terdapat aduan-aduan yang berasas, pihak Majlis boleh membatalkan permit dengan serta merta
11. Pihak Majlis berhak untuk menarik balik kelulusan yang diberikan, sekiranya terdapat sebarang pelanggaran yang dirasakan boleh menggugat kesejahteraan orang awam atau melanggar hak-hak individu yang berkenaan dan pemeriksaan mengejut akan dijalankan dari masa ke semasa untuk memastikan segala arahan dan peraturan dipatuhi


KAWASAN YANG TIDAK DIBENARKAN AKTIVITI PENJAJAAN

1. Dalam lingkungan 9 meter (30 kaki) dari simpang jalan.
2. Dalam lingkungan 3 meter (10 kaki) dari garisan tepi jalan.
3. Dalam lingkungan 3 meter (10 kaki) dari pili bomba.
4. Dalam lingkungan 40 meter dari pagar sekeliling sekolah.
5. Di atas tangga atau kawasan lapang atau salran perparitan longkang.
6. Kawasan sekitar bangunan premis/ pejabat kerajaan.
7. Barangan jualan barang basah (ikan/sayur/buah) di sepanjang jalan utama. Hanya dibenarkan jualan di kawasan pasar awam dan pasar sehari/ pasar malam.
8. Di pintu masuk apa-apa premis bangunan kecuali dengan kebenaran Yang Dipertua.
9. Hadapan deretan kedai Taman Chempedak Indah, Batu 18 (jalan utama, jalan persekutuan).
10. Sepanjang jalan Kaki Gunung Jerai, kecuali permit sementara (jualan bermusim seperti musim buah-buahan).
11. Dikawasan perhentian bas ekspres Guar Chempedak.
12. Kawasan Pekan Guar Chempedak (Jalan Guar Chempedak – Yan) bermula dari lampu isyarat sehingga ke hadapan bangunan Koperasi.
13. Penjaja bergerak/ trak: semua tempat letak kereta awam/ semua perhentian bas, stesen bas/ tempat hentian teksi dan tempat-tempat awam/ lain-lain kawasan atau jalan kecuali dengan kebenaran Yang Dipertua.

JENIS JUALAN PENJAJAAN YANG TIDAK DIBENARKAN

1. Barangan tiruan, cetak rompak, barangan berunsur lucah dan lain-lain barangan yang tidak dibenarkan.
2. Barangan kawalan seperti tembakau, *vape* dan alcohol.
3. Barangan berbahaya seperti mempunyai unsur senjata dan mudah meletup.
4. Lain-lain barang yang menyalahi peruntukan undang-undang

CARTA ALIR PERMOHONAN LESEN PENJAJA STATIK DAN BERGERAK




PEMBAHARUAN/ PINDAHMILIK LESEN/ TUKAR MAKLUMAT/ PEMBATALAN

Pemohon perlu hadir ke Ibu Pejabat Majlis Daerah Yan dengan membawa dokumen seperti berikut:

1. Salinan kad lesen
2. Salinan Kad Pengenalan
3. Bayaran RM30.00 dikenakan bagi proses pindah milik lesen berserta dokumen sokongan (sijil kematian, dan lain-lain berkaitan)
4. Pembayaran kadar lesen adalah sama seperti kadar lesen lama. Tiada sebarang tambahan caj.
5. Tidak perlu mengisi sebarang borang permohonan.

FI LESEN

Kategori	Harga/ Setahun	Pengecualian Bayaran Lesen oleh Kerajaan Negeri	Jumlah Bayaran
Food Truck	RM 60.00	-	RM 60.00
Penjaja tepi jalan	RM 60.00	RM40.00	RM20.00
Pekan sehari/ pasar malam	RM 15.00	RM5.00	RM10.00
1. Pasar awam/ gerai Majlis 2. Kiosk dalam kompleks belah belah	RM60.00	-	RM 60.00

		SILA LAMPIRKAN BERSAMA SALINAN: 1. KAD PENGENALAN <input type="checkbox"/> 2. LAKARAN PELAN LOKASI <input type="checkbox"/> Jika aktiviti perniagaan melibatkan makanan dan minuman 3. KAD SUNTIKAN <input type="checkbox"/> 4. SIJIL PENGENDALI MAKANAN <input type="checkbox"/>
مجلس دائره يان MAJLIS DAERAH YAN TELEFON : 04-4655745, FAKS : 04-4655990		
BORANG PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN PENAJA SEMENTARA / TAHUNAN DAERAH YAN		
Nama Pemohon :		
. No. Kad Pengenal :		3. Warganega :
. No Telefon :		5. Bangsa :
. Jantina : L <input type="checkbox"/> F <input type="checkbox"/>		
. Alamat Surat :		
Mengurat :		
. Jenis jualan :		
<i>(Jika makanan atau minuman diperlukan, sila nyatakan jenisnya)</i>		
. Lokasi perniagaan :		
NYATAKAN SECARA TERPERINCI <i>(Sila lampirkan keuraian gambar lakar)</i>		
<i>(TANDA DI PLUANGAN YANG BERKAITAN)</i>		
1. Hari Perniagaan : AHA <input type="checkbox"/> ISI <input type="checkbox"/> SE <input type="checkbox"/> A <input type="checkbox"/> ABU <input type="checkbox"/> HAMIS <input type="checkbox"/> JUM <input type="checkbox"/> SABTU		
1. Masa Perniagaan : sehingga		
2. Tempoh lesen (Tarikh) Dari : Sehingga :		
<i>(Jika lesen sementara - contoh: buah-buahan bermurim)</i>		
3. Pernahkah anda mendapat Lesen daripada Majlis Daerah Yan : YA / TIDAK		
Jika YA , isi No.Le :		
KUANTUM PEMOHON		
Saya mengaku bahawa segala keterangan yang diberikan di atas adalah betul dan benar. Saya edia mematuhi segala syarat yang telah ditetapkan oleh Majlis Daerah Yan jika permohonan saya ini diluluskan.		
Tarikh :		
Tandatangan)		
Nama:		
Nota: Borang permohonan yang tidak lengkap, tidak boleh diproses dan sebarang maklumat tidak akan dikeluarkan. Permohonan dianggap tidak di terima.		
<i>Borang ini hendaklah dihantar kepada:</i>		
TUAN YANG DIPERTUA, MAJLIS DAERAH YAN 06900 YAN,		